

11 MAR 1999

Sabah-Tambang

KERAJAAN KAJI TAMBANG UDARA KE SABAH

KOTA KINABALU, 11 Mac (Bernama) -- Kementerian Pengangkutan kini mengkaji tambang udara antara Semenanjung dan Sabah dalam usaha menggalakkan pelancongan tempatan, kata Menteri Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

"Kajian itu dibuat untuk menentukan sama ada kadar tambang udara sekarang ini tinggi sehingga ia memberi kesan negatif kepada industri pelancongan di Sabah," katanya.

Dr Ling memberitahu pemberita demikian selepas melawat kawasan Dewan Undangan Negeri Api-Api di sini, hari ini, yang akan menyaksikan calon tunggal MCA Datuk Chau Tet On mempertahankan kerusi itu dalam pilihan raya negeri kali ini .

Bagi penerbangan antarabangsa ke Sabah, Dr Ling berkata beliau baru-baru ini menandatangani perjanjian bersama Taiwan yang akan membolehkan lebih banyak penerbangan antarabangsa dari negeri itu mendarat di Kota Kinabalu.

"Saya tahu kapasiti penumpang dari Taiwan ke Kota Kinabalu menggunakan penerbangan sewa khas adalah baik," katanya.

Dan perjanjian itu juga akan membolehkan Taiwan mengadakan penerbangan berjadual ke negeri itu, kata Dr Ling.

Dr Ling juga berkata, kelulusan telah diberikan bagi penerbangan dari Taiwan mendarat di Kuching, Sarawak.

"Kita akan mengambil langkah-langkah positif untuk meningkatkan kemasukkan pelancong di Sabah," katanya lagi.

Langkah itu juga tepat pada masanya memandangkan wakil-wakil industri pelancongan tempatan telah meminta lebih banyak penerbangan antarabangsa singgah di negeri itu. Permintaan itu dibuat dalam mesyuarat tertutup dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 20 Feb lepas, di sini.

Sabah mencatatkan sejumlah 264,900 ketibaan pelancong antarabangsa tahun lepas berbanding 159,700 pada 1997 dengan pelancong dari Taiwan mendahului senarai dengan 57,300 ketibaan.

-- BERNAMA

HAK PR